

Harga RON97, RON95 naik dua sen

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak dua sen kepada RM2.38 seliter, manakala RON95 naik sebanyak dua sen kepada RM2.08 seliter, sementara diesel kekal pada harga RM2.14 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi sehingga 28 Februari ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme

Harga Automatik (APM), harga runcit petrol RON95 dan diesel bagi tempoh itu masing-masing sepatutnya sebanyak RM2.08 dan RM2.14 seliter.

“Ia menunjukkan kenaikan daripada minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.06 seliter, manakala diesel berada pada paras sama sebanyak RM2.14 seliter,” menurut kenyataan itu. - *Bernama*

